

06 MAY 2001

Mahathir-Sokongan

ORANG RAMAI DISERU BERI SOKONGAN SERTA KERJASAMA KEPADA POLIS

KUALA LUMPUR, 6 Mei (Bernama) -- Datuk Seri Dr Mahathir Mohamad meminta orang ramai supaya memberikan sokongan kepada pasukan polis dan pihak penguatkuasa undang-undang yang lain dalam usaha membanteras jenayah.

Perdana Menteri berkata ini termasuk memberi maklumat serta menjadi saksi kepada kegiatan jenayah yang berlaku di tempat mereka.

"Di Malaysia ramai yang enggan menjadi saksi dan ini menyukarkan usaha untuk membanteras segala kegiatan jenayah," katanya dalam ucapan perasmian Majlis Makan Malam Yayasan Pencegahan Jenayah Malaysia di sini malam ini. Dr Mahathir ialah penaung yayasan berkenaan.

Beliau berkata ini penting bagi memastikan mereka yang melakukan kegiatan jenayah dapat disabitkan kesalahan dan dijatuhkan hukuman yang setimpal dengan kesalahan mereka.

Turut hadir dalam majlis itu ialah Timbalan Perdana Menteri Datuk Seri Abdullah Ahmad Badawi dan Pengerusi Yayasan Pencegahan Jenayah Malaysia Datuk Seri Mohd Najib Tun Razak.

Dr Mahathir berkata hanya dengan kerjasama serta sokongan daripada orang ramai sahaja ia dapat membantu memastikan keselamatan dan keamaman di negara ini terus berkekalan.

Pada majlis itu Perdana Menteri menerima sumbangan hampir dua juta ringgit daripada pelbagai pihak terutamanya daripada syarikat-syarikat korporat kepada Yayasan Pencegahan Jenayah Malaysia yang telah ditubuhkan sejak Jan 1993.

Yang menyumbang kepada yayasan itu antaranya ialah Petroleum Nasional Berhad (Petronas), Resorts World Berhad, Kumpulan Arab-Malaysian dan UMW Holding Berhad.

Sumbangan itu ialah bagi mengisi tabung yayasan berkenaan melaksanakan aktiviti dalam pencegahan jenayah dan pemulihan pesalah termasuk membantu organisasi, institusi, badan-badan dan orang perseorangan untuk tujuan pencegahan jenayah.

-- BERNAMA

AT SHI FAZ